



KONFERENSI AKADEMIK

SOARING  
UPWARDS  
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



جامعة تكنولوجيا مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# KONAKA

## KONFERENSI AKADEMIK

# 2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu  
UiTM Cawangan Pahang  
Kampus Jengka



MELONJAK UTM  
DI PERSADA GLOBAL

UiTM Sentiasa

## **Isu dan Cabaran Pensyarah dalam Melahirkan Professional Melayu Muslim**

Mohamad Azmi Nias Ahmad<sup>1\*</sup>, Mohd Aripin Amat<sup>2</sup>, Azizi Hashim<sup>3</sup>,  
Ahmad Mazlan Ahmad Shamshudin<sup>4</sup>, Azlan Md Thani<sup>5</sup>

<sup>1-5</sup> Faculty of Accountancy and Law, Universiti Teknologi MARA Pahang,

Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia

mohdazminias@pahang.uitm.edu.my, aripin@pahang.uitm.edu.my, azizi@pahang.uitm.edu.my,  
mazlanshamshudin@gmail.com, annasibn\_malik@pahang.uitm.edu.my

\*Penulis Rujukan

**Abstrak:** Transformasi dari Dewan Latihan Rida, Institut Teknologi MARA (ITM) ke Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 1999 telah memberi cabaran besar kepada seluruh warganya untuk keluar dari kebiasaan dan mengharungi arus perubahan tempatan dan global yang pesat. Sehubungan dengan itu, peranan pensyarah sebagai barisan hadapan dilihat semakin penting dan pensyarah seharusnya bersedia untuk berubah. Bermula dari hanya sebagai tenaga pengajar yang menyampaikan ilmu di dalam kelas, transformasi perubahan ini telah membuatkan pensyarah keluar dari berada di dalam kelas untuk melibatkan diri dalam proses mencari ilmu, berkongsi ilmu di konferensi-konferensi di dalam dan di luar negara, membuat innovasi, menjadi penasihat pelajar dan bergaul dengan pelbagai peringkat masyarakat melalui program khidmat masyarakat. Semua ini penting bagi membantu melahirkan graduan yang berpengetahuan, berketerampilan dan mempunyai nilai serta etika yang tinggi. Walaubagaimanapun, dalam melahirkan graduan yang ‘serba lengkap’, masih terdapat beberapa isu yang boleh merencatkan hubungan pensyarah-pelajar yang perlu diambil perhatian. Selain daripada itu terdapat beberapa halangan yang perlu ditangani untuk pelajar mempunyai pemikiran yang kritikal, analitikal dan berpandangan jauh. Penulisan ini akan mengupas permasalahan dalam konteks pengalaman di Fakulti Perakaunan, UiTM Pahang.

**Kata Kunci:** Graduan, Pensyarah, Transformasi, UiTM

### **1. Pengenalan**

Universiti Teknologi MARA (UiTM) sentiasa dianggap sebagai ‘benteng terakhir’ (dari segi pendidikan tinggi di negara kita) golongan bumiputera di negara ini. Selain daripada itu, UiTM juga dipertanggungjawab untuk memertabatkan keunggulan dan kegemilangan bangsa. Setelah bergelar universiti pada tahun 1999, cabaran yang dihadapi oleh UiTM semakin besar, di mana segala tindak-tanduk warga dan pelajar UiTM diperhatikan oleh masyarakat.

Pensyarah yang secara langsung bertanggungjawab untuk memberi pengajaran kepada pelajar haruslah menghayati dan mengamalkan nilai dan etika yang telah ditetapkan seperti integriti, akauntabiliti, menghargai masa, dedikasi, tawaduk, penambahbaikan berterusan, berdisiplin, bekerjasama, kesarjanaan dan bersyukur. Kajian telah menunjukkan hubung kait antara kecemerlangan dan amalan etika yang baik di peringkat individu, masyarakat, organisasi, bangsa dan Negara (Ibrahim & Hassan, 1999). Ia dikuatkan lagi dengan hasrat kerajaan untuk ‘mewujudkan sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika tinggi sepenuhnya yang rakyatnya kuat beragama dengan nilai kerohanian serta disemai dengan nilai etika paling tinggi (salah satu daripada cabaran Wawasan 2020).

### **2. Peranan Pensyarah**

Pensyarah bertanggungjawab dalam penjiwaan nilai dan etika Perkhidmatan Awam kepada semua warga dan pelajar UiTM. Bagi para penulis, seseorang pensyarah itu seharusnya adil dan saksama, sentiasa memamerkan prestasi yang cemerlang dan berkualiti, dan bertanggungjawab terhadap perlaksanaan tugas yang diamanahkan (akauntabiliti). Pensyarah

haruslah bersikap adil dan saksama terhadap orang ramai dan memberi mereka layanan yang teratur dan memuaskan seperti Arahan Perkhidmatan Awam (1974). Ini sejajar dengan pendekatan universiti yang holistik yang menitik beratkan falsafah mesra berteraskan ‘Mesra Insan, Mesra Ilmu dan Mesra Alam’. Pensyarah sepatutnya mengamalkan sifat positif seperti bersopan santun setiap masa, bertimbang rasa dan simpati kepada kesusahan orang lain (Ibrahim, 2007).

Selain daripada itu seseorang pesnyarah itu perlu mempamerkan prestasi yang cemerlang dan berkualiti supaya ia dapat meningkatkan keupayaan menerusi peningkatan kemahiran dan pengetahuan mengenai kerja. Pensyarah tidak boleh cuai dan kurang berusaha, sebaliknya harus melaksanakan tugas dengan cekap, cepat, berkesan dan sempurna tanpa mengira masa dan tenaga (Amin, 2004).

Setiap pensyarah perlu mengetahui selok-belok tugas dan tanggungjawab, mempunyai komitmen tinggi yang tidak berbelah bagi dan mengenepikan ‘personal prejudices’ dan ‘personal preference’. Matlamat akauntabiliti ialah untuk mencapai satu kaedah kawalan yang berkesan bagi memastikan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan satu-satu pengurusan dipatuhi. Syarat-syarat pencapaian akauntabiliti ialah untuk memastikan pencapaian tahap akauntabiliti yang tinggi.

Kesimpulannya, pensyarah seharusnya sedar bahawa mereka berperanan dalam pembangunan bangsa dan negara, dan sepatutnya bersungguh-sungguh untuk menjayakan UiTM menjadi universiti yang Cemerlang, Gemilang, Terbilang. Walaubagaimanapun, segala panduan yang digariskan oleh pihak INTAN mahupun UiTM; panduan yang tiada bandingan tentunya datang daripada sumber al-Quran al-Karim dan Sunnah Rasulullah S.A.W. (Pejabat Pendaftar (UKKP), 2005).

### **3. Isu-Isu disebalik Penilaian Pelajar Terhadap Pensyarah**

Bermula semester Jun 2004-November 2004, pihak HEA UiTM telah memperkenalkan satu sistem penilaian pensyarah bertujuan untuk mempastikan kualiti serta mutu syarahan berada pada tahap yang memuaskan. Penilaian ini dibuat oleh pelajar mengikut kursus dan dijalankan di akhir semester. Pada dasarnya penilaian ini dilihat sebagai ‘instrumen mengawal’ yang berkesan kerana pensyarah akan memastikan mereka mengikut segala peraturan-peraturan yang termaktub keatas mereka. Walaubagaimanapun, penilaian ini boleh ‘memakan diri’ pensyarah disebabkan sebahagian soalan-soalan yang diberikan di dalam borang kaji selidik berkenaan agak cenderung untuk menyalahkan pensyarah.

Borang kaji selidik itu dikatakan cenderung untuk menyalahkan pensyarah, disebabkan pada keadaan-keadaan tertentu pelajar akan memberi jawapan negatif. Seperti contoh, keadaan alat bantuan mengajar yang tidak lengkap dan kelas tidak mencukupi sehingga kelas terpaksa diadakan pada waktu malam akan mendorong pelajar untuk menjawab, ‘pensyarah tidak menggunakan alat bantuan mengajar’ dan ‘pensyarah mengadakan kelas pada waktu malam’. Pihak HEA haruslah mengkaji semula soalan-soalan kaji selidik sebegini untuk memberikan keadilan kepada pensyarah yang terpaksa mengajar di kelas-kelas yang tidak sempurna dan kelas pada waktu malam.

Hasil penilaian pelajar ini juga sepatutnya dibincang dengan pensyarah dengan segera, dan bukan sewaktu temuduga kenaikan pangkat atau temuduga biasiswa. Ia dianggap ‘sudah terlambat’ dan pensyarah ini akan merima akibat buruk seperti tidak berjaya naik pangkat ataupun tidak berjaya mendapat biasiswa. Jangan terus menghukum. Beri peluang pensyarah untuk mempertahankan diri. Ia sepatutnya telus dan bertujuan untuk penambahbaikan mutu dan kualiti pengajaran seseorang pensyarah. Apa yang ditakuti pensyarah akan menjadi ‘pelakon’ di hadapan pelajar kerana mereka tahu mereka akan dinilai. Keikhlasan akan hilang dan keberkatan akan lups. Seharusnya pihak pengurusan mencari kaedah lain yang lebih berkesan untuk membuat penilaian ini. Secara peribadi, penulis mencadangkan penilaian dibuat dengan

menggabungkan penilaian pelajar dan penilaian ketua program. Secara amnya pensyarah yang ‘degil’ hanyalah sedikit dan selebihnya menjalankan tugas dengan cemerlang.

#### **4. Kebergantungan Pelajar kepada Pensyarah**

##### **4.1 Masalah Penyuapan (*spoon-feeding*)**

Peranan pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) adalah penting khususnya dalam aspek penyampaian ilmu dan membimbing pelajar mencapai objektif P&P yang telah ditetapkan. Namun, pelajar kadangkala menjadikan pensyarah sebagai sumber tunggal untuk memperoleh ilmu dan mengharapkan pensyarah bagi menyediakan segala keperluan P&P tanpa melakukan pencarian ilmu sendiri melalui pembacaan buku teks, kajian perpustakaan, pencarian maklumat dan sebagainya. Fenomena yang berlaku ini disifatkan sebagai masalah penyuapan (*spoon-feeding*) oleh kebanyakan sarjana di dalam bidang pendidikan. Umpamanya Raelin, J. A. (2009), yang melakukan kajian di Amerika Syarikat (AS) dalam bidang pendidikan pengurusan mendapati masalah penyuapan yang telah berlaku sejak 40 tahun lalu di AS seperti tidak akan berakhir dalam waktu yang terdekat ini. Situasi sama didapati berlaku melalui pengalaman pensyarah di Fakulti Perakaunan, UiTM Pahang melalui proses P&P. Melalui pemerhatian dan perkongsian pengalaman tenaga pensyarah fakulti, terdapat beberapa perkara berlaku di kalangan pelajar semasa proses P&P yang menyumbang kepada gejala *spoon-feed* seperti berikut:

##### **4.2 Terlalu Bergantung kepada Nota Kuliah**

Melalui pemerhatian, terdapat pelajar yang terlalu bergantung kepada nota kuliah yang diberi kepada pelajar untuk tujuan ulangkaji dan persediaan peperiksaan akhir. Masalah ini lebih ketara khususnya pada pelajar-pelajar yang enggan membeli buku teks yang disarankan oleh pensyarah. Bagi mengatasi masalah ini, disarankan agar pensyarah memberi tugas yang memerlukan pelajar mencari maklumat yang melangkaui kandungan yang disampaikan melalui kuliah. Namun kaedah ini boleh menghadirkan cabaran kepada pensyarah dari segi beban tugas yang bertambah. Bagi mengatasi masalah ini, mungkin tugas perlu diberi kepada beberapa topik tertentu dan pensyarah hanya perlu meminta pelajar berkongsi maklumat yang dicari secara ringkas semasa kuliah berlangsung.

##### **4.3 Kaedah P&P Berfokus kepada Pensyarah**

Sebagaimana yang dinukilkkan oleh Estes, C. A. (2004), isu pembelajaran berfokus guru adalah realiti yang selalu berlaku dalam proses P&P walaupun terdapat dakwaan bahawa P&P lebih berfokus pelajar. Situasi sama boleh dilihat bagi proses P&P di Fakulti Perakaunan, UiTM Pahang. Sesi kuliah kebiasaannya bersifat sehala di mana pensyarah kebanyakannya mendominasi perbincangan. Kadangkala, pelajar juga agak keberatan memberi pendapat pada persoalan yang dilontar oleh pensyarah semasa kuliah yang akhirnya memaksa pensyarah untuk menyelesaikan sendiri isu dan persoalan yang dilontarkan. Masalah ini mungkin berkait dengan sifat dan budaya pemalu di kalangan masyarakat secara amnya, di mana keengganan pelajar melontarkan pendapat boleh dikaitkan dengan sifat pemalu untuk melakukan kesilapan dan kelihatan aib. Situasi ini sebenarnya konsisten dengan kajian oleh Mohamed A. R. & Hamzah M. D. (2005) yang mendapati sifat malu mempengaruhi kelakuan pelajar di dalam kelas. Bagi menangani isu ini, pensyarah perlu meneruskan teknik bertanya soalan dan melontarkan isu untuk dibincangkan bersama pelajar. Jika menurut kaedah pembelajaran Ilmuan Islam silam, ia adalah salah satu kaedah yang biasa di gunakan dalam proses pembelajaran. Sebagaimana dinukilkkan oleh Mamat, M. A. B. (2015), Imam Abu Hanifah, seorang ilmuan yang mahsyur dalam Islam juga menggunakan teknik soal jawab dalam penyampaian ilmu beliau.

Walaubagaimanapun, untuk mengatasi masalah malu dan merasa aib melakukan kesilapan, pensyarah mungkin boleh mengubah sedikit pendekatan kepada yang lebih positif iaitu dari awal lagi menyatakan pelajar tidak perlu merasa takut untuk memberi jawapan atau pendapat walaupun tidak selari dengan isi perbincangan, namun memberi pujian setimpal bagi pelajar yang berjaya memberi pandangan dengan baik.

Proses penilaian atau peperiksaan adalah sesuatu kemestian di dalam kurikulum pendidikan tinggi negara dan dunia amnya. Namun, P&P yang terlalu berfokus kepada peperiksaan dibimbangi boleh merencangkan kreativiti pelajar, kemampuan berfikir, menyelesaikan masalah dan sebaginya. Isu ini sebenarnya pernah disuarakan oleh Menteri Pendidikan pada iaitu Musa Aman (2003) yang menyatakan sistem pendidikan negara sedang menuju perubahan kepada kurang berorientasikan peperiksaan. Pemerhatian di Fakulti Perakaunan, UiTM Pahang juga mendapati fenomena yang sama berlaku. Situasi ini mungkin boleh dikaitkan dengan tekanan yang wujud terhadap pensyarah apabila terdapat persepsi bahawa keputusan pelajar mempunyai perkaitan dengan petunjuk prestasi pensyarah. Bagi mengatasi masalah ini, pensyarah perlu terus fokus memberi yang terbaik semasa P&P berlangsung dan sebolehnya tidak memfokus kepada menyelesaikan soalan peperiksaan lepas sehingga ke jawapan akhir. Sehinggakan dalam kes tertentu pelajar meminta pensyarah untuk berkongsi skema peperiksaan lepas dengan pelajar. Justeru, fokus harus diberi kepada kaedah penyelesaian, bukan kepada jawapan akhir. Dengan memfokus kepada kaedah, ia akan menggalakkan pelajar berfikir dalam mencari penyelesaian jawapan dan ini seterusnya meningkatkan kemahiran pelajar di dalam menyelesaikan masalah walaupun diuji dengan soalan yang berbeza di dalam ujian ataupun peperiksaan nanti.

## **5. Halangan ke Arah Pelajar yang Mempunyai Pemikiran yang Kritikal, Analitikal dan Berpandangan Jauh**

Sudah sememangnya tepat pada masanya Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengorak langkah untuk menjadi universiti bertaraf dunia. Bagaimanapun menurut Datuk Seri NC, ‘kehebatan fizikal walau disaluti emas sekalipun tidak akan memberi apa-apa erti jika kesedaran dan kesungguhan untuk membangunkan UiTM tidak wujud sepenuhnya di hati warga universiti’ (Ibrahim & Hassan, 1999). Antara cabaran utama yang dihadapi oleh UiTM ialah keperluan untuk melahirkan graduan yang benar-benar berkualiti. Kertas ini akan mencadangkan 3 langkah yang agak drastik untuk mencapai matlamat ini.

Kebanyakan pelajar UiTM membiayai pengajian mereka dengan membuat pinjaman PTPTN. Sememangnya pinjaman ini banyak membantu pelajar untuk mengurangkan beban ibubapa mereka. Walaubagaimana, ia amat menyediakan apabila pinjaman ini turut dinikmati oleh pelajar yang ‘mampu’. Akibatnya, wujudlah seakan-akan perlumbaan dalam memiliki barang dalam kategori ‘kehendak’ seperti telefon bimbit, pakaian dan tak kurang juga yang ‘bikin’ motor ataupun kereta mereka. Akibatnya tujuan utama mereka datang ke UiTM telah tersasar sedikit. Mereka juga mula mengelak untuk makan di dewan makan dan makan di café. Apabila ditanya, jawapannya ialah, ‘makanan tak sedap’ dan ‘makanan tidak berkhasiat’. Sikap ‘menggunakan tongkat’ ini terbawa-bawa ke dalam kelas apabila pelajar sentiasa menagih nota dan tips untuk lulus peperiksaan. Adalah diharapkan pelajar yang menerima bantuan PTPTN dihadkan kepada pelajar yang tidak berkemampuan sahaja.

Selain daripada itu pengurusan UiTM perlu mengkaji sistem penilaian pelajar yang kebanyakannya adalah ‘exam oriented; Contoh, program diploma adalah 60% peperiksaan akhir 30% quiz dan ujian dan hanya 10% tugas. Oleh kerana itu sebahagian besar pelajar menjadi begitu effisyen dengan hanya belajar untuk peperiksaan sahaja. Pensyarah kebanyakannya perlu memaksa pelajar untuk membaca artikel dan jurnal-jurnal akademik. Disebabkan masalah ini UiTM secara tidak sedar, menghasilkan ‘robot’ ataupun ‘burung kakak tua’. Pengetahuan mereka sangat terbatas di dalam skop silibus dan peperiksaan. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika maklumbalas yang diterima daripada majikan yang mengambil

mereka menjalani latihan praktikal mengatakan bahawa pelajar IPT lemah dalam berkomunikasi (Ahmad, Paino, Idris & Hairong, 2013).

Dari segi tugas, UiTM perlu mengkaji supaya tugas yang diberi adalah merapatkan jurang di antara teori dan praktik (Ini sebenarnya menjadi masalah pelajar diawal kerjaya mereka). Bagi para penulis, lawatan akademik ke tempat-tempat kerja, mengkaji artikel dan menjemput tokoh professional mengadakan syarahan dapat membantu pelajar merapatkan jurang ini. Lanjutan dari aktiviti-aktiviti ini pelajar dikehendaki mengeluarkan laporan yang kemudiannya dinilai oleh pensyarah.

Kesimpulannya, UiTM perlu sentiasa terus mengkaji kaedah untuk melahirkan graduan berkualiti. Kajian-kajian seperti kemahiran insaniah, kebolehan berkomunikasi dan kebolehpasaran graduan dari sudut kebolehan graduan melakukan tugas yang diberi perlu dibuat. Dalam apa jua tindakan pensyarah untuk menjayakan hasrat ini, pihak pengurusan atasan sepatutnya memberi sokongan penuh. Penulis percaya segala tindak tanduk yang tidak ‘popular’ yang dilakukan oleh UiTM ke atas pelajar akan mendapat sokongan masyarakat. Ini adalah kerana UiTM sentiasa dianggap sebagai ‘benteng terakhir’ golongan bumiputera di negara ini dan dipertanggungjawab untuk memartabatkan keunggulan dan kegemilangan bangsa.

## 6. Rujukan

- Ahmad, M. A. N., Paino, H., Idris, S.I.Z.S., & Hairong, S. (2013). *Latihan Industri Fakulti Perakaunan: Cabaran dan Kaedah Penyelesaian*. Paper presented at the Konferensi Akademik 2013, Bukit Gambang Resort City, Kuantan, Pahang.
- Amin, M. S. M. (2004). Kemahiran Kendiri Kursus Penilaian Tahap Kecekapan TK3 dan TK4. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Awam, J. P. (1974). *Arahan perkhidmatan*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Raelin, J. A. (2009). The practice turn-away: Forty years of spoon-feeding in management education. *Management Learning*, 40(4), 401-410.
- Estes, C. A. (2004). Promoting student-centered learning in experiential education. *Journal of Experiential Education*, 27(2), 141-160.
- Ibrahim, A. S. (2007). *Amanat Tahun Baru 2007*. Universiti Teknologi MARA Shah Alam: UPENA.
- Ibrahim, H., & Hassan, N. M. N. (1999). *Pengurusan dan Pentadbiran: Mencapai Kecermelangan Melalui Penghayatan*. Nilai: IKIM.
- Mohamed A. R. & Hamzah M. D. (2005) Kajian Korelasi Emosi Malu dengan Pencapaian Akademik di kalangan Mahasiswa Melayu, *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil. 20, 153–167.
- Mamat, M. A. B. (2015). Teknik Soal-Jawab Dalam Pengajaran Imam Abū Ḥanīfah (M. 150h/767m): Suatu Analisis Terhadap Kitab Al-‘Ālim Wa Al-Muta ‘Allim. *Online Journal of Islamic Education*, 3(0).
- Musa, M. (2003). Malaysian education system to be less exam oriented. *New Straits Time*, 8.
- Pejabat Pendaftar (UKKP). (2005). *Buku Panduan Staf UiTM Selangor*: Universiti Teknologi MARA, Shah Alam